# LATIHAN 1

| | |
|---|---|
| laju | basikal |
| terbabas | menyesal |
| menasihati | berbukit |
| darah | kedai |
| keras kepala | hospital |




1. Azlan seorang budak yang .
2. Dia selalu menunggang dengan laju.
3. Ibunya selalu Azlan, namun dia tidak mengendahkan nasihat ibunya itu.
4. Pada suatu hari, Azlan hendak ke untuk membeli minuman.
5. Dia pun menunggang basikalnya dengan
6. Apabila menuruni kawasan , dia mengayuh basikalnya dengan lebih laju lagi.
7. Malang tidak berbau apabila dia tidak dapat mengawal basikalnya lalu dan terjatuh ke dalam semak.
8. Dia melihat banyak yang mengalir di kepalanya lalu terus pengsan.
9. Apabila sedar, dia mendapati dirinya berada di dan ditemani ibunya.
10. Dia berasa dan terus meminta maaf daripada ibunya.

LIVEWORKSHEETS

# LATIHAN 2

| | |
|---|---|
| restoran | Muzium Rakyat |
| gembira | rakan-rakan |
| keletihan | melancong |
| A Famosa | membawa |
| cenderahati | beca |




1. Pada cuti sekolah yang lalu, ayah telah membawa saya sekeluarga ke Melaka.
2. Saya dan adik berasa amat kerana kami belum pernah menjejakkan kaki ke sana.
3. Kami tiba di Melaka pada pukul 10.00 pagi.
4. Ayah membawa kami ke Kota
5. Kemudian, kami bertolak ke untuk melihat barang yang dipamerkan.
6. Selepas itu, ayah kami ke Dataran Pahlawan.
7. Kami dapat menaiki dan mengelilingi Bandar Melaka.
8. Sebelum pulang, kami makan malam di
9. Kami sempat singgah di gerai untuk membeli rantai kunci sebagai kepada saudara-mara dan
10. Walaupun , namun saya berasa gembira kerana dapat mempelajari sejarah di Melaka.

LIVEWORKSHEETS

# LATIHAN 3

| | |
|---|---|
| ular kena palu | bukit |
| cenderamata | menginap |
| Tinggi Cameron | cuka |
| strawberi | lautan |
| permandangan | nyaman |




1. Pada cuti sekolah yang lalu, ayah telah membawa kami sekeluarga bercuti di Tanah
2. Jalan ke Tanah Tinggi Cameron bengkang-bengkok bagai
3. Sepanjang perjalanan, kami dapat melihat yang indah nian.
4. Kami di sebuah hotel di Brinchang selama dua malam.
5. Udara di sini dan segar.
6. Setelah berehat, kami pun memulakan lawatan ke ladang teh di lereng
7. Ladang teh itu luas bagai
8. Keesokannya, kami melawat ke ladang strawberi.
9. Kami berpeluang memetik buah itu sendiri dan menikmati buahnya yang manis dan ada juga yang masam macam
10. Sebelum pulang, kami membeli sedikit dan bergambar sebagai kenangan.

LIVEWORKSHEETS

# LATIHAN 4

| | |
|---|---|
| beli-belah | dinding |
| tanglung | balang |
| rumah | menjelang |
| sabar | menggubah |
| persiapan | biskut |




1. Tahun Baharu Cina akan ______ tidak lama lagi.
2. Saya sekeluarga membuat pelbagai ______ sebelum Tahun Baharu Cina.
3. Ibu dan ayah telah membawa kami ke kompleks ______ untuk membeli baju dan kasut baharu.
4. Seterusnya, kami bergotong-royong membersihkan ______
5. Kami juga mengecat ______ rumah yang pudar.
6. Kakak ______ bunga untuk menghias ruang tamu.
7. Ayah menggantung ______ sambil dibantu oleh adik.
8. Ibu turut membuat kuih dan ______ untuk dihidangkan kepada tetamu.
9. Saya membantu ibu menyimpan biskut ke dalam ______
10. Saya berasa gembira dan tidak ______ menunggu ketibaan Tahun Baharu Cina.

LIVEWORKSHEETS

# LATIHAN 5

| | |
|---|---|
| tanah | dahan |
| sakit | berjanji |
| melastik | menyengat |
| hospital | berdegil |
| hutan | terjun |

## DISENGAT LEBAH



1. Setiap hujung minggu, Amir akan melakukan aktiviti kegemarannya iaitu ______ burung.
2. Walaupun telah dinasihati oleh ibunya agar tidak melastik burung, namum Amir masih ______
3. Amir akan ditemani oleh dua orang kawan baiknya untuk masuk ke ______
4. Pada hari itu, Amir melihat dua ekor burung pipit bertenggek di atas ______
5. Tanpa membuang masa, Amir terus melastik burung itu lalu ketawa bangga apabila kedua-dua ekor burung itu jatuh ke atas ______
6. Tiba-tiba beberapa ekor lebah terbang ke arah Amir dan kawan-kawannya lalu ______ mereka.
7. Mereka segera berlari ke arah sungai yang berdekatan dan terus ______ ke dalam air untuk menyelamatkan diri.
8. Badan Amir terasa sangat ______ akibat disengat lebah.
9. Akibat peristiwa itu, Amir dan kawan-kawannya dirawat di ______
10. Sejak itu, Amir ______ tidak akan melastik burung lagi.

LIVEWORKSHEETS